

# Tun Huss dipelawa giat semula

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mempelawa Tun Hussein Onn bergiat semula bagi memberi khidmat memandangkan tenaga dan fikiran beliau masih diperlukan oleh masyarakat.

Perdana Menteri menegaskan, masyarakat masih memerlukan tenaga dan fikiran Tun Hussein kerana tidak ramai di negara ini mempunyai pengalaman dalam urusan pentadbiran dan pemikiran.

Beliau menyatakan syor ini dibuat atas alasan Tun Hussein sudah pun pulih dan beliau telah pun mendapat rehat yang cukup.

"Sebagai seorang doktor saya membuat diagnosis dari jauh bahawa Tun Hussein sudah pun pulih dan beliau telah pun mendapat rehat yang cukup," kata beliau ketika berucap di majlis 'Jasa Mu di Kenang' di Hotel Hilton di sini.

## Bukan untuk membebankan

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, penceburan Tun Hussein sekali lagi di dalam 'public service' amat dialu-alukan jika Tun bersetuju.

Menurutnya, tujuan bukanlah untuk membebankan Tun Hussein dengan kerja sehingga mengganggu kesihatan tetapi memberi sumbangan yang tidak terlalu berat sebaliknya memberi kesan.

"Saya berharap Tun sudi menimbangkan cadangan yang telah dibuat oleh saya," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menambah: "Sekali lagi sebagai doktor saya tahu bahawa orang yang biasa bekerja seperti Tun Hussein telah bekerja akan berasa terganggu dan tidak senang jika tidak ada kerja harian yang hendak dibuat."

Tun Dr. Hussein menerima perutusan sebagai penasihat Petronas dan beliau juga berkhidmat sebagai penasihat kepada sebuah badan yang akan ditubuhkan iaitu 'Institute of Strategic Study' mengkaji keadaan sekeliling termasuk perhubungan politik dan ekonomi dunia.

Dengan demikian, kata Datuk Seri Dr. Mahathir, apabila terbentuk institusi tersebut berjangka akan dapat membentuk dasar amalan untuk negara.

Tun Dr. Hussein pula menegaskan alasan ini adalah menjadi tanggungjawab setiap ahli UMNO memepak dan menjamin kelibatan pemegang pemimpinan parti yang jujur, berkebolehan, amanah dan dedikasi serta tidak mementing diri sendiri bagi menjamin masa depan UMNO yang lebih cemerlang.

Bekas Presiden UMNO itu menambahkan, adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memajukan barisan pemimpin politik yang berkebolehan, berdisiplin dan bertanggungjawab yang dapat mendukung perjuangan kita terus memajukan.

Beliau juga mengingatkan setiap parti komponen Barisan Nasional mesti sedar dan insaf terhadap masalah kita sendiri.

Beliau berkata demikian ketika berucap di majlis 'Jasamu DiKenang' yang dianjurkan oleh UMNO untuk beliau di Hotel Hilton di sini.

Bekas Perdana Menteri berkata, janganlah berdukanya mana-mana pihak hilang perdunan dan pedoman sehingga menjejaskan kemungkinan masa depan yang cemerlang yang kita usahakan bersama ini.

Menurutnya, kebanyakan pihak sedar, masa depan negara banyak bergantung kepada UMNO dan sesuatu yang menjejaskan kedudukannya akan memberi kesan mendalam kepada negara.

"Sebagai ketua Barisan Nasional, UMNO mempunyai peratus besar dalam mengebir baling tenaga politik negara ke arah pembangunan dan kejayaan yang lebih besar.

"Masa depan parti, malah masa depan orang Melayu, keseluruhan rakyat dan negara dapat dibetulkan terlewat pada perasaan dan sikap bertanggungjawab setiap ahli parti khususnya pemimpin-pemimpin parti.

Dengan itu, kata Tun Hussein, beliau berharap ahli-ahli UMNO dan orang Melayu akan terus mendukung dan berkolaborasi di belakang UMNO untuk memajukan dasar-dasar negara yang adil lagi sakselna yang sentiasa diperjuangkan oleh UMNO.

Beliau juga mengingatkan rakyat negara ini supaya berhubung dengan sikap yang dipaparkan di negara ini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia